



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER II SESI 2009/2010

MATAPELAJARAN : PENGURUSAN PROJEK
KOD MATAPELAJARAN : DFC 3103
KURSUS : 3 DFA/DFT
TARIKH PEPERIKSAAN : APRIL 2010
JANGKA MASA : 3 JAM
ARAHAN : JAWAB EMPAT (4) SOALAN SAHAJA
DARIPADA ENAM SOALAN.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI EMPAT (4) MUKASURAT

DFC 3103

- S1** (a) Berikan pengertian Pengurusan menurut;
- i) *Webster's New Collegiate Dictionary*
 - ii) *Encyclopedia of Social Science*
 - iii) *Haimann*
- (6 markah)
- (b) "Pengurusan sebagai proses perancangan (*planning*), penyusunan (*organising*), pengarahannya (*directing*) dan pengawalan (*controlling*) usaha ahli-ahli organisasi dan menggunakan semua sumber organisasi untuk mencapai matlamat organisasi". Terangkan apa yang dimaksudkan dengan proses dan matlamat dalam pengertian tersebut.
- (8 markah)
- (c) Lakarkan rajah unsur asas dalam proses pengurusan yang diberikan oleh *Robert Kreitner, 1983*.
- (5 markah)
- (d) Bezakan antara akhlak, moral dan nilai.
- (6 markah)
- S2** (a) Nyatakan faktor-faktor pembentukan sesebuah organisasi.
- (4 markah)
- (b) Sebagai seorang Ketua Eksekutif syarikat, anda dikehendaki menstruktur semula carta organisasi syarikat. Berdasarkan kakitangan yang ada, lakarkan struktur carta jenis organisasi projek
- (6 markah)
- (c) Di dalam isu rumah terbengkalai, apakah peranan pihak-pihak berikut bagi mengatasi masalah ini.
- i) Pemilik
 - ii) Pemaju
 - iii) Kontraktor
 - iv) Pihak Berkuasa tempatan
 - v) Bank
- (15 markah)

DFC 3103

- S3** (a) Apakah perkara-perkara yang perlu di semak bagi mengambilkira kawalan kos projek supaya tidak melebihi daripada had yang telah ditetapkan .
(6 markah)
- (b) Nyata dan jelaskan dua (2) kaedah kawalan kos dan masa.
(6 markah)
- (c) Kawalan kualiti adalah satu proses penting bagi mengurangkan kesilapan rekabentuk serta konflik antara dokumen dan rekabentuk. Kebanyakan semua aktiviti kerja memerlukan sistem kawalan kualiti. Sebagai Penyelia Tapak, jelaskan bagaimana anda membuat kawalan kualiti di tapak bina.
(13 Markah)
- S4** “Cadangan Projek Membina dan Menyiapkan Satu (1) unit Rumah Kedai 2 Tingkat Di Atas Lot 21, Parit Raja, Batu Pahat Johor”.
Berdasarkan kenyataan di atas, sebagai Pembantu Pengurus Projek di Syarikat Lamina Bina Sdn Bhd sediakan penjadualan (scheduling) menggunakan carta bar yang bermula 1 Mei 2010 sehingga siap.
- (a) Senaraikan **sepuluh (10)** aktiviti, tempoh (minggu), *successor* dan bilangan pekerja yang bersesuaian bagi setiap aktiviti pembinaan di atas di dalam satu jadual.
(10 markah)
- (b) Lukis carta bar bagi menunjukkan jadual kerja (*work programme*) bagi projek tersebut dan nyatakan jangkaan masa projek akan siap.
(5 markah)
- (c) Lakar S-Curve yang pertama bagi menunjukkan kemajuan yang dirancang. Sekiranya pada minggu ke-lapan terdapat penambahan pekerja sebanyak 10% dan kemajuan di tapak adalah lebih cepat berbanding yang dirancang, lakarkan pada S-Curve yang kedua dalam penjadualan tersebut.
(5 markah)
- (d) Lakar histogram bagi menunjukkan bilangan pekerja dan nyatakan minggu ke berapa jumlah pekerja yang paling ramai.
(5 markah)

DFC 3103

- S5** Anda merupakan Pembantu Jurutera bagi Cadangan Projek Membina dan Menyiapkan Satu unit Pejabat Haiwan di Atas Lot 341, Bandar Baru Ayer Hitam, Ayer Hitam, Batu Pahat Johor. Anda diminta oleh majikan untuk menyediakan penjadualan bagi pembinaan tersebut menggunakan kaedah rangkaian logik.
- (a) Senaraikan **sepuluh (10)** aktiviti, tempoh (minggu), *successor* atau *node* yang bersesuaian bagi setiap aktiviti pembinaan di atas di dalam satu jadual. (10 markah)
 - (b) Lakarkan rangkaian logik bagi projek pembinaan di atas dengan menggunakan kaedah *Activity On Arrow (AOA)*. (8 markah)
 - (c) Kira Masa Mula Awal (*Early Start*), Masa Mula Akhir (*Late Start*), Masa Tamat Awal (*Early Finish*) dan Masa Tamat Akhir (*Late Finish*) dan rekodkan dalam jadual. (4 markah)
 - (d) Lakar dan nyatakan aktiviti-aktiviti yang berada di laluan kritikal. Nyatakan tempoh bagi keseluruhan projek tersebut (3 markah)
- S6**
- (a) Sebagai penyelia tapak binaan, adalah menjadi tugas anda untuk merekod kerja harian di dalam Laporan Kerja Harian (*Daily Work Report*). Berdasarkan contoh kerja di tapak bina, sediakan satu laporan ringkas dengan mengambil kira perkara-perkara penting yang mesti direkod. (10 markah)
 - (b) Bincangkan **lima (5)** perbezaan di antara Laporan Kemajuan Tapak dan Laporan Pemeriksaan Tapak. (10 markah)
 - (c) Nyatakan **lima (5)** kelebihan menggunakan perisian *Microsoft Project* dalam penyediaan penjadualan bagi sesebuah projek (5 markah)